

KHAMIS

09 03

2017

BH

VARSAITI

bhvarsiti@bh.com.my

60 TAHUN MERENTAS GENERASI 1957-2017

4

INOVASI

Alnquire inovasi forensik imej digital

6

KEUSAHAWANAN

Kedai telekomunikasi pertama di IKM




Prof Datuk Dr Nor Aieni Mokhtar



Tan Sri Dr Rafiah Salim



Prof Datin Paduka Dr Aini Ideris



Prof Datuk Dr Asma Ismail



Prof Emeritus Datuk Dr Aminah Ayob

SEMPENA SAMBUTAN HARI WANITA ANTARABANGSA, 8 MAC 2017

OBOR INSPIRASI

➔ Siswi buktikan kecemerlangan dalam pelbagai bidang, cecal berdepan cabaran

Oleh Basir Zahrom
basir_zahrom@bh.com.my

► Kuala Lumpur

"Mak bekerja keras demi menanggung kami tiga adik-beradik dengan menoreh getah, mengambil upah mencuci pinggan dan melakukan pelbagai usaha lagi, malah apabila betul-betul kehabisan duit, mak sanggup menebalkan muka meminjam

daripada orang lain.

"Suatu hari ketika dalam perjalanan pergi menoreh, kaki kiri mak cedera parah selepas motosikal peninggalan arwah bapa ditunggangnya berlanggar dengan sebuah kereta. Akibat kemalangan itu, mak terlantar di rumah selama tiga bulan.

"Sepanjang tempoh itu, kami menampung kehidupan dengan gaji RM600 diperolehi adik sebagai pelayan kedai dan bantuan zakat yang saya terima. Mak berkorban

memaksa diri bekerja semula walaupun dalam keadaan kakinya tempang hingga kini."

Kisah hiba cukup menyentuh perasaan itu diimbau mahasiswa Ijazah Sarjana Muda Pengajian Quran dan Sunnah dengan Keputjian, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Nur Syafikah Husin, 22, yang menjadikan kegetiran diharungi keluarga dorongan untuk belajar bersungguh-sungguh selepas kematian ayahnya 13 tahun lalu.

V2/3



Cheong Jun Hoong




Noorain Mohd Said



Ameera Natasha Moore Azman James



Zaidatul Husniah Zulkifli



Siti Husnaa Hassan

redaksi

Pengarang Kumpulan BH
Datuk Mahfar Ali

Timbalan Pengarang Kumpulan BH
Datuk Badrulhisham Othman

Pengarang Eksekutif Pengeluaran
Percetakan & Digital
Rosli Safar

Pengarang Eksekutif
Berita / Rencana / Digital
Datuk Ahmad Zaini Kamaruzzaman

Pengarang Bersekutu Mingguan / BH2
Azhar Abu Samah

Pengarang Pendidikan
Fadzlena Jafar

Pengarang Berita Pendidikan:
Ridzuan Yop
Mohd Feroz Abu Bakar

Penolong Ketua Penyunting:
Rosdi Ismail

Penolong Pengarang Berita Pendidikan:
Syuhada Choo Abdullah
Mohd Zin Mohd Ali

Penolong Editor Grafik & Reka Letak:
Ismady Md Yusof

Webmaster Pendidikan:
Shuhazmir Selamat

Eksekutif Pentadbiran:
Norhayati Yahya

Penyunting Eksekutif:
Muhammad Fakhri Alias
Rusnita Pechok

Wartawan:
Nor Azma Laila
Basir Zahrom
Faizatul Farhana Farush Khan
Meor Ahmad Nasriin Rizal Ishak

Artis Eksekutif:
Mohd Hakim Ismail
Mohd Zainudin Ismail

Ilustrator:
Khairul Anuar Md Nor (Yon)
Mohd Kahlil Nizam Roslan

E-mel: bhvarsiti.com.my

Pengiklanan
Tel: 1300226787

Berita Harian
Tel: 1300226787 samb 5108
Faks: 03-2056 7081

LANGGANAN
Jabatan Pengerahan dan Jualan
Akhar NSTP 31, Jalan Riong,
59100 Kuala Lumpur
Tel: 03-2724 8999
Samb: 7752/7713

E-mel atau surat ke alamat:
bhvarsiti@bh.com.my atau
Balai Berita,
31, Jalan Riong, 59100,
Kuala Lumpur

www.bhpendidikan.com.my

bhpendidikan

bhpendidikan

Reaksi



“Wanita perlu percaya akan kebolehan diri sendiri dan berani memikul tanggungjawab lebih mencabar”

Prof Emerita Tan Sri Dr Sharifah Hapsah Syed Hasan Shahabudin,
Bekas Naib Canselor Universiti Kebangsaan Malaysia



“Peratusan jumlah pelajar wanita di institusi pengajian tinggi awam dan bantuan kerajaan menjelaskan realiti kemampuan golongan ini dalam bidang pendidikan”

Datuk Seri Rohani Abdul Karim,
Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat

SEMPENA SAMBUTAN HARI WANITA ANTARABANGSA, 8 MAC 2017

Peranan wanita signifikan dalam pendidikan

Oleh Basir Zahrom
basir_zahrom@bh.com.my

Kuala Lumpur

Peranan kaum Hawa memacu dunia pendidikan di negara ini amat signifikan apabila semakin ramai wanita menerima pengiktirafan atas pencapaian mahupun sumbangan mereka dalam bidang itu.

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Rohani Abdul Karim, berkata ilmu adalah asas pemba-

ngunan modal insan, justeru wanita sebagai pemangkin kepada masyarakat akan datang perlu melestarikan pengetahuan untuk kemajuan negara.

Sejajar Dasar Wanita Negara 2009 yang menggariskan kepentingan pendidikan, beliau berkata, pihaknya amat komited terhadap usaha menyemarakkan pembudayaan ilmu dan pembelajaran sepanjang hayat dalam kalangan semua wanita dan masyarakat secara am.

“Proses pembudayaan ilmu boleh dijana menerusi

program berimpak tinggi yang mampu melahirkan pemikir, sarjana dan tenaga mahir serta separa mahir bersesuaian peranan masing-masing. Perkembangan pendidikan adalah elemen penting ke arah pencapaian Wawasan 2020.

Lahirkan cendekiawan

“Ini juga selaras usaha kerajaan menggalakkan dan merangsang kemajuan wanita dalam bidang pendidikan melalui pelaksanaan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 serta PPPM 2015-2025 (Pendidikan Tinggi),”

katanya dalam satu kenyataan kepada *Varsiti* di sini.

Melalui Rancangan Malaysia Ke-11 pula, Rohani berkata, bidang pendidikan akan terus diberi tumpuan utama dalam agenda pembangunan modal insan bagi memacu Malaysia ke arah status negara maju.

Dalam konteks ini, beliau berkata, wanita perlu memainkan peranan membantu melahirkan cendekiawan dan generasi berilmu untuk menyahut seruan Transformasi Nasional 2050 (TN50) ke arah negara berpendapatan tinggi, inklusif serta mapan.

Sumbangan diiktiraf peringkat antarabangsa

Kuala Lumpur: Sumbangan kepakaran golongan wanita di negara ini mendapat pengiktirafan bukan sahaja di dalam negara, malah pada peringkat antarabangsa.

Rektor Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Prof Datuk Seri Dr Zaleha Kamaruddin (**gambar**), berkata kepentingan peranan wanita kini terbukti dalam segenap bidang, termasuk ekonomi, pentadbiran dan pendidikan.

Beliau berkata, sumbangan kaum Hawa jelas semakin menyerlah, terutama selepas polisi 30 peratus wanita sebagai pembuat keputusan diperkenalkan.



“Kita dapat melihat peranan penting dimainkan wanita melalui kepemimpinan menjadi penyumbang kepada pembangunan sesebuah negara dalam segenap bidang,” katanya.

Terima anugerah

Prof Zaleha tidak ketinggalan melakar sejarah tersendiri apabila dianugerahkan pengiktirafan daripada Pertubuhan Pendidikan, Saintifik, dan Kebudayaan Islam (ISESCO), Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC), sempena Persidangan Antarabangsa Persekutuan Universiti Dunia Islam (FUIW-ISESCO) yang berlangsung di Rabat, Maghribi, baru-baru ini.

info

Peratusan enrolmen pelajar wanita pada 2015

- Institut pendidikan guru 70.3 %
- Politeknik 48.1 %
- Kolej komuniti 41.7 %
- Universiti awam 62 % (335,254 daripada 540,638)

* Sumber: Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat

info

Antara tokoh wanita dalam pendidikan Malaysia

- Tan Sri Dr Rafiah Salim (Bekas Naib Canselor Universiti Malaya dan wanita pertama dilantik menyandang jawatan itu di Malaysia)
- Prof Emerita Tan Sri Dr Sharifah Hapsah Syed Hasan Shahabudin (Bekas Naib Canselor Universiti Kebangsaan Malaysia)
- Prof Emeritus Datuk Dr Aminah Ayob (Bekas Naib Canselor Universiti Pendidikan Sultan Idris)
- Prof Datuk Seri Dr Zaleha Kamaruddin (Rektor Universiti Islam Antarabangsa Malaysia)
- Prof Datuk Dr Asma Ismail (Naib Canselor Universiti Sains Malaysia)
- Prof Datuk Dr Nor Aieni Mokhtar (Naib Canselor Universiti Malaysia Terengganu)
- Prof Datin Paduka Dr Aini Ideris (Naib Canselor Universiti Putra Malaysia)



Cabaran sebagai pembakar semangat

← Dari V1

Beliau yang mencatat purata nilai gred kumulatif (PNGK) 3.55 mengaku kesempatan hidup turut menyebabkan mereka sering dipandang rendah, namun semua dugaan itu diterjemahkan sebagai pembakar semangat untuk membuktikan kemampuan menggapai kejayaan.

Sementara masih dalam pengajian, Nur Syafikah berusaha membantu ibunya sedaya yang mampu, termasuk memberi sebahagian wang bantuan zakat tahunan RM1,000 daripada pihak universiti.

"Setiap tahun, saya mengisi borang permohonan bantuan zakat itu. Kepayahan yang mak tempuhi membina keazaman saya untuk mengejar cita-cita menjadi seorang ustazah.

Tetapkan sasaran

"Sebagai mahasiswa lebih-lebih lagi wanita, saya perlu kuat kerana persaingan kini terlalu sengit.

"Saya belajar bersungguh-sungguh untuk memasuki universiti awam dan mendapatkan pekerjaan bagus selepas menamatkan pengajian nanti," katanya yang sedang menjalani latihan industri di Pejabat Agama Jajahan Tanah Merah, Kelantan.

Selain kecemerlangan akademik, kejayaan wanita dalam bidang sukan juga bukan calang-calang,

antaranya yang dibuktikan oleh mahasiswa Ijazah Sarjana Muda Sains Sukan, Universiti Malaya (UM), Sylvia Kavita Kumares, 22.

Juara acara badminton perseorangan pada Kejohanan Sukan Institusi Pengajian Tinggi (SUKIPT) 2016 yang berpengalaman membawa cabaran Malaysia ke saingan di dalam dan luar negara itu menitikberatkan komitmen 100 peratus dalam sebarang usaha dilakukan.

"Memang agak mencabar untuk mengimbangi tumpuan dan masa antara akademik dengan sukan, namun perkara paling penting yang harus diingat diri sendiri ialah sentiasa berusaha sedaya upaya.

"Pengurusan masa sangat penting, justeru saya sentiasa merancang terlebih dahulu segala aktiviti yang akan dilakukan. Saya juga menetapkan sasaran sebagai motivasi supaya tidak lalai akan tujuan menjalani latihan mahupun belajar setiap hari," katanya.

Sylvia Kavita berkata, pencapaian kaum Hawa dalam arena sukan di Malaysia kian membanggakan, termasuk pasangan beregu nombor satu yang menjadi ikon badminton wanita negara, Woon Khe Wei dan juga Vivian Hoo.

"Antara langkah boleh diambil untuk membantu mempertingkatkan pencapaian wanita dalam sukan ialah menubuhkan sekolah sukan khas bagi gender itu, mengadakan kempen



Saya tiada rahsia tertentu dalam pembelajaran, hanya mengamalkan solat hajat, solat duha dan membaca al-Quran, selain meyakini keberkatan doa seorang ibu. Oleh itu sebelum menduduki peperiksaan, saya akan menelefon mak untuk meminta restu"

Nur Syafikah Husin,
Siswi USIM

kesedaran dari awal persekolahan dan menyelaraskan insentif hadiah sama dengan lelaki supaya tidak berlaku seksisme," katanya.

Manfaatkan kelainan

Sementara itu, dunia kepemimpinan di kampus turut menyaksikan keupayaan penuntut wanita menerajui majlis perwakilan pelajar (MPP) yang memperjuangkan kebajikan ribuan warga pengajian.


Seorang daripadanya ialah Yang Dipertua MPP Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) yang juga mahasiswa Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan (Kepujian) (Kejuruteraan Reka Bentuk Produk), Nurhazwani Zabidin, 21.

Beliau berkata, suara wanita diperlukan dalam MPP, terutama bagi menangani hal ehwal siswi bertepatan perkembangan statistik yang menunjukkan pelajar wanita mendominasi kemasukan di kebanyakan institusi pengajian tinggi.

"Tidak dinafikan bahawa wanita dan lelaki memiliki pemikiran berbeza, justeru kelainan itu harus dimanfaatkan sebagai peluang mencambah idea dan harapan untuk mencapai visi serta misi organisasi.

"Kita perlu saling bekerjasama dan bertolak ansur, termasuk membina persefahaman dan kesepakatan bagi memastikan organisasi berada dalam landasan yang betul," katanya.

Sylvia Kavita berpengalaman mewakili Malaysia ke Kejohanan Universiti Sedunia dan Kejohanan Universiti ASEAN.



Nur Syafikah (kiri) menerima penghargaan daripada pihak Universiti Yala Rajabhat sempena program lawatan antarabangsa ke Thailand yang disertai.



Nurhazwani (dua dari kanan) sering menjayakan program kepemimpinan di dalam dan luar kampus.